

# Graduan cacat penglihatan peroleh ijazah sarjana muda kelas pertama

UB 28.11.16 A6

Oleh SADDAM EDRIS

**KOTA KINABALU:** Dengan memegang erat pada hala tuju yang betul, graduan orang kelainan upaya (OKU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengalami kecacatan penglihatan (glaukoma) Teoh Jia Leong, 23, akhirnya berjaya menghabiskan pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda kelas pertama bagi jurusan Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga.

Anak bungsu daripada empat adik beradik itu tidak pernah menjadikan kekurangannya sebagai penghalang untuk dia bekerja keras mengubah hidup keluarga sehinggalah terpilih sebagai pelajar terbaik bagi sesi kedua Majlis Istiadat Konvokesyen UMS ke-18, di sini, kelmarin.

Teo yakin bahawa berkat kegigihan dan kecekalannya, kejayaan yang diidam-idamkan akan tetap digapai asalkan ada kesedaran diri untuk merealisasikan impian masing-masing.

“Kita semua tahu belajar, tapi bagi saya apa yang paling penting adalah kita mesti kena ada arah tuju iaitu tujuan hidup sebagai pelajar dan manusia.

“Macam saya, sejauhnyanya saya sedar ayah saya hanyalah bekerja sendiri dan ibu saya pula hanya suri rumah dan kadang kala bekerja mengasuh bayi orang, jadi saya perlu mengubah nasib keluarga saya dan saya terus tekad untuk fokus ke arah itu walaupun serba kekurangan,” kata anak jati dari Pulau Pinang itu.

Selain memiliki pendirian diri yang utuh, Teoh juga amat terhutang budi kepada guru di sekolahnya dahulu dan rakan serta pensyarah UMS yang sentiasa memberi sokongan padu untuk dia tetap bangkit



**TEOH ketika menerima sijil Ijazah Sarjana Muda kelas pertama jurusan Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga yang disampaikan oleh Pro Canselor UMS Tan Sri Yeoh Tiong Lay.**

mengejar impiannya.

Katanya ketika alam persekolahan lagi, beliau terpaksa menempuhi jurang penerimaan insan yang sempurna dengan dirinya sehinggalah pada satu masa, beliau berjaya membuktikan kemampuan mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

“Setelah saya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, dari situlah saya terus dapat perhatian mereka dan saya akhirnya mula faham betapa pentingnya nilai akademik apatah lagi insan seperti saya.

“Akhirnya, saya sedar ramai orang yang mahu saya berjaya terutamanya cikgu sekolah saya sebelum ini dan saya amat terhutang budi kepada mereka,” katanya.

Menceritakan perjalanan hidup selama bergelar mahasiswa UMS, beliau mengakui bahawa pada minggu pertama menjejakkan kaki di Sabah, rasa takut dan sedih wujud ekoran berjauhan dengan keluarga apatah lagi dengan keadaan yang serba

kekurangan.

Namun, setelah berkenalan dengan kawan-kawan dan para pensyarah di UMS, Teoh sedar bahawa ketakutan itu hanya sementara dan akhirnya orang di sekeliling beliau cuba mengadaptasi persekitaran bergaul dengan insan sepertinya.

“Dari situlah, saya cuba perlahan-lahan menyesuaikan diri dan akhirnya saya sudah terbiasa dengan rakan lain dan mula berfikir ke hadapan serta sentiasa positif mengejar hala hidup saya,” jelasnya.

Meskipun begitu, beliau tidak menafikan bahawa pelbagai cabaran terpaksa ditempuhinya selama tiga tahun pengajian di UMS terutamanya berkaitan kekurangan bahan bacaan Braille dan juga masalah pengangkutan harian.

Namun, beliau bersyukur kerana pihak pengurusan UMS khususnya di bahagian Hal Ehwal Pelajar sentiasa membantunya menyelesaikan masalah yang dihadapi termasuklah menyediakan pengangkutan ke kuliah.